

# REAKSI ORANG MUDA

"PENGGUNA harus bijak menerima informasi yang disebarluaskan melalui medium alam maya kerana kepesatan teknologi itu boleh membina sakan banyak pihak jika ia disalah guna. Jika maklumat itu penting, sepatutnya kita harus selidik terlebih dahulu sebelum menghebahkan kepada pihak lain."



**MUHAMMAD HANIF RAMLY**  
Pelajar Ijazah Perhutanan  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

"SEKIRANYA kita membaca sebarang maklumat yang disampaikan oleh mana-mana pihak di media sosial, sepatutnya kita perlu bersikap neutral. Langkah itu bagi membolehkan kita tidak tergopoh-gopoh atau beremosi untuk membuat kesimpulan yang berat sebelah.



**ANWARUL ASWAD AHMAD**  
Pelajar Ijazah Komunikasi Media  
Universiti Putra Malaysia (UPM)

"PENGGUNA media sosial harus mengetahui batas-batas dalam menyuarakan pendapat. Sikap menghentam individu lain di laman sosial secara semborono menggambarkan tahap pemikiran kita yang cetek. Bersederhana adalah lebih baik dalam semua perkara agar kita tidak terjerumus melakukan 'dosa-dosa kering.'

**MAISARAH ZORKEFLEE**  
Pelajar Ijazah Sarjana Sains (Teknologi Maklumat) Universiti Utara Malaysia (UUM)

**ISU: Mengaibkan pihak lain menerusi WhatsApp dan Facebook adalah trend masa ini. Apakah cara terbaik untuk mengatasi perbuatan ini?**



"SETIAP individu itu sepatutnya memiliki sikap menghormati antara satu sama lain, tanpa mengira pangkat, usia mahu pun bangsa. Kebanyakan mereka yang menyalahgunakan media sosial terdiri daripada golongan yang mengamalkan sikap 'bebas bersuara' sehingga lupa untuk menghormati hak orang lain."

**NURUL SYAFIDAH JAMIL**  
Pelajar Ijazah Sarjana Sains (Teknologi Maklumat) Universiti Utara Malaysia (UUM)

"TIADA cara lain yang boleh menyelesaikan perkara ini selain pihak berkenaan mulai insaf dan menyedari tindakannya itu tidak bertanggungjawab. Sebagai masyarakat yang prihatin sepatutnya kita tidak perlu terlalu bersikap provokatif dalam menerima apa-apa isu baharu.



**WAN NURMAHFUZAH JANNAH WAN MANSOR**  
Pelajar Ijazah Sarjana Sains (Pengajian Strategik)  
Universiti Utara Malaysia (UUM)

